



The current issue and full text archive of this journal is available at

<https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal>

DOI: <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v9i1.189>

Aplikasi Kaedah Fiqh Dalam Alasan Pengkakiman Kes Tuntutan Nafkah Anak Di Mahkamah Syariah: Satu Analisis

***Fiqh al-Ahwal
al-Syakhsiyyah***

39

Application of Legal Maxims In The Ground of Judgement for Child Maintenance Claims in Shariah Court: An Analysis

SITI SHAMSIAH MD SUPI

(Corresponding Author)

Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik
Institut Kefahaman Islam Malaysia
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
intan_shamsiah@ikim.gov.my

AZIZAH MOHD RAPINI

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia
azizah@uis.edu.my

MOHAMAD NAQIB HAMDAN

Akademi Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 Skudai, Johor, Malaysia
mohammadnaqib@utm.my

MUHAMMAD HISYAM MOHAMAD

Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan
Institut Kefahaman Islam Malaysia
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
hisyam@ikim.gov.my

NUR SHAKIRAH MOHAMED YASIN

Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik
Institut Kefahaman Islam Malaysia
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
shakirah@ikim.gov.my

Submitted date: 13 February 2025

Revised date: 28 April 2026

Acceptance date: 29 April 2026

Available online: 30 April 2026





ABSTRAK

Kes nafkah anak biasanya akan timbul apabila berlaku pembubaran perkahwinan antara ibu bapa kepada anak yang terlibat. Walaupun nafkah kepada anak itu merupakan kewajipan yang mesti dilaksanakan oleh bapa, tetapi keputusan atau perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah perlulah adil dan seimbang antara hak di pihak yang menuntut (plaintiff) dengan kemampuan di pihak yang kena tuntutan (defendan). Keadilan dan keseimbangan inilah yang akan terlihat dalam alasan penghakiman sebagai hasil penyiasatan dan penelitian hakim yang membicarakan kes-kes nafkah yang dibawakan kepada mereka. Kajian ini merupakan kajian kualitatif melalui analisis terhadap kandungan alasan penghakiman kes-kes nafkah anak di mahkamah syariah yang bertujuan untuk mengenal pasti kaedah-kaedah fiqh yang dijadikan rujukan hakim untuk menghasilkan keputusan yang memenuhi matlamat keadilan. Hasil kajian merumuskan bahawa hakim akan merujuk kepada hukum syarak melalui dalil-dalil al-Qur'an dan hadis sebagai sumber utama dalam menyediakan alasan penghakiman. Kaedah fiqh pula diguna pakai untuk menguatkan lagi sumber utama yang digunakan. Kajian ini menyarankan penggunaan kaedah fiqh secara optimum sebagai sumber tambahan penyediaan alasan penghakiman bagi memenuhi matlamat keadilan terutama kepada pihak yang sepatutnya menerima nafkah yang wajib daripada waris yang wajib.

Kata Kunci: Kaedah Fiqh, Nafkah Anak, Alasan Penghakiman, Mahkamah Syariah

ABSTRACT

Child maintenance cases usually arise following the dissolution of a marriage between the parents of the child involved. Although the responsibility of providing maintenance for the child lies with the father, any decision or order issued by the court must be fair and balanced between the rights of the claimant (plaintiff) and the ability of the person being claimed against (defendant). This sense of justice and balance is reflected in the grounds of judgment, which are the result of investigation and analysis by the judge presiding over the maintenance cases brought before them. This study is a qualitative research that analyzes the content of the grounds of judgment in child maintenance cases in the Shariah court, aiming to identify the Islamic legal maxims used by judges as references in making decisions that fulfill the objective of justice. The findings of the study conclude that judges refer to Islamic law through the primary sources of the Qur'an and Hadith when preparing the grounds of judgment. Islamic legal maxims are then applied to further support these primary sources. This study recommends the optimal use of the maxims as a supplementary source in drafting the grounds of judgment, in order to fulfill the objective of justice, especially for those who are rightfully entitled to receive obligatory maintenance from their responsible guardian."

Keywords: Legal Maxims, Child Maintenance, Ground of Judgment, Syariah Court

PENDAHULUAN

Kaedah fiqh, *qawaid fiqhiyyah* atau dikenali juga sebagai kaedah perundangan Islam (Othman, 1991) ditakrifkan sebagai peraturan umum yang boleh diaplikasikan kepada



pelbagai persoalan cabang atau permasalahan hukum (Mahmassani, 2000). Kaedah ini juga turut dikenali sebagai maksim, sama seperti *legal maxim* dalam perbahasan prinsip undang-undang sivil. Lima kaedah fiqh utama yang popular dijadikan sebagai prinsip induk iaitu *الأمر بمقاصدها* (setiap perkara bergantung pada niatnya); *اليقين لا يزال بالشك* (keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan syak); *المشقة تجلب التيسير* (kesukaran membawa kepada keringanan); *الضرر يزال* (kemudaratan hendaklah dihilangkan) dan *العادة محكمة* (adat kebiasaan menjadi hukum) (Ahmad H. H., 1998). Dalam *Majallah al-Ahkam* sendiri atau The *Mejelle* (2001) telah memperuntukkan sebanyak 99 maksim atau kaedah fiqh di bahagian awal perundangan tersebut sebagai prinsip untuk diaplikasikan dalam sistem perundangan tersebut terutama dalam undang-undang sivil Islam.

Dalam konteks perundangan Islam, kaedah fiqh memainkan peranan penting sebagai instrumen sokongan dalam proses istinbat hukum serta membantu hakim dalam membuat pertimbangan yang adil dan konsisten terutama dalam proses menyediakan alasan penghakiman yang memperincikan rasional sesuatu keputusan mahkamah. Ia bukan sahaja menggambarkan kefahaman hakim terhadap fakta dan undang-undang, malah menunjukkan kaedah penghujahan yang digunakan termasuk pemakaian dalil syarak dan kaedah fiqh.

Bagi kes-kes kekeluargaan khususnya tuntutan nafkah anak, isu yang sering timbul melibatkan penentuan kadar nafkah, kemampuan bapa serta kebajikan anak. Dalam situasi ini, kaedah fiqh berpotensi menjadi asas penghujahan yang signifikan dalam memastikan keputusan yang dibuat selaras dengan prinsip keadilan dan maqasid syariah.

Walau bagaimanapun, sejauh manakah kaedah fiqh diaplikasikan secara sistematik dalam alasan penghakiman kes nafkah anak masih belum diperincikan secara menyeluruh dalam kajian sedia ada. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pemakaian kaedah fiqh dalam alasan penghakiman kes nafkah anak dan mengenal pasti ruang penambahbaikan dalam penggunaannya di Mahkamah Syariah di Malaysia.

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan berkaitan tuntutan nafkah anak di Mahkamah Syariah bukan sahaja melibatkan isu hak dan kewajipan, bahkan turut merangkumi aspek pembuktian, penentuan kadar nafkah serta pertimbangan kebajikan anak. Dalam amalan semasa, hakim syarie mempunyai budi bicara yang luas dalam membuat keputusan berdasarkan fakta kes, peruntukan undang-undang serta prinsip hukum syarak.

Walau bagaimanapun, penelitian terhadap alasan penghakiman menunjukkan bahawa pemakaian kaedah fiqh dalam kes-kes nafkah anak tidak diaplikasikan secara konsisten dan menyeluruh. Dalam kebanyakan kes, penggunaan kaedah fiqh didapati lebih tertumpu kepada kaedah berkaitan beban pembuktian seperti *al-*



bayyinah 'ala al-mudda'i wa al-yamin 'ala man ankara, manakala kaedah-kaedah lain yang relevan dengan kewajipan nafkah, kebajikan anak dan prinsip keadilan kurang diketengahkan secara eksplisit. Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana kaedah fiqh benar-benar berfungsi sebagai instrumen penghujahan dalam alasan penghakiman, atau sekadar digunakan secara implisit tanpa dihuraikan secara sistematik. Selain itu, terdapat juga kemungkinan wujud perbezaan pendekatan antara hakim dalam mengaplikasikan kaedah fiqh dalam kes yang seumpama, yang boleh memberi implikasi terhadap konsistensi dan kualiti penghakiman.

Sehubungan itu, kajian ini berusaha untuk menjawab persoalan bentuk dan tahap pemakaian kaedah fiqh dalam alasan penghakiman kes tuntutan nafkah anak di mahkamah syariah atau sama ada terdapat pola atau kecenderungan tertentu dalam penggunaan kaedah fiqh oleh hakim serta ruang penambahbaikan dalam memperkukuh aplikasi kaedah fiqh dalam kes nafkah anak.

SOROTAN KEPUSTAKAAN

Kepentingan Kaedah Fiqh dalam Perundangan Islam

Kaedah fiqh merupakan prinsip umum yang dirumus daripada dalil-dalil syarak dan berfungsi sebagai panduan dalam menentukan hukum bagi pelbagai permasalahan cabang. Para sarjana seperti al-Nadwi (1994) menegaskan bahawa penguasaan kaedah fiqh merupakan suatu keperluan bagi mufti dan hakim kerana ia membantu dalam proses pentarjihan pandangan serta penentuan hukum terhadap isu-isu yang kompleks.

Dalam konteks semasa, penggunaan kaedah fiqh juga dilihat signifikan dalam menangani permasalahan kontemporari. Kajian oleh Siti Fatimah Salleh et al. (2017) menunjukkan bahawa *qawaid fiqhiyyah* berperanan sebagai mekanisme penting dalam merungkai isu-isu baharu serta memastikan keselarasan dengan maqasid syariah.

Aplikasi Kaedah Fiqh dalam Kehakiman Syariah

Dalam sistem kehakiman Islam, kaedah fiqh bukan sahaja berfungsi sebagai panduan teori, malah turut digunakan dalam proses penghujahan dan penghakiman. Ia membantu hakim dalam menilai fakta, menentukan isu serta menyokong keputusan yang dibuat.

Menurut al-Jarumi (2021), aplikasi kaedah fiqh dalam prosiding mahkamah mempunyai hubungan rapat dengan prinsip masalah dan maqasid syariah dalam mencapai keadilan. Selain itu, penggunaan kaedah fiqh dalam alasan penghakiman juga mencerminkan tahap penguasaan ilmu serta profesionalisme hakim dalam mengendalikan sesuatu kes.



Kajian Siti Fatimah Salleh et al. (2017) mendapati bahawa doktrin *qawaid fihiyyah* merupakan mekanisme yang perlu dipertimbangkan dan mesti diteliti dalam proses pengeluaran hukum terhadap isu atau permasalahan kontemporari yang berlaku pada masa kini. Penggunaan *qawaid fihiyyah* dapat merungkai permasalahan dalam pelbagai lapangan bidang di samping dapat mengenal pasti maqasid syariah terhadap permasalahan kontemporari yang ingin dihukumkan. Dalam kajian ini, para pengkaji banyak mengetengahkan permasalahan kontemporari melibatkan isu penggunaan jalan raya seperti isu parkir, pembinaan bangunan yang berhampiran jalan raya di mana bahan pembinaan diletakkan di jalan raya sehingga menjejaskan penggunaannya dan beberapa isu lain yang berkaitan.

'Ali Ahmad al-Nadwi (1994) pernah menegaskan bahawa personel-personel yang berkaitan dengan fatwa dan kehakiman terutama mufti dan hakim atau kadi sepatutnya mempunyai pengetahuan, kemampuan dan kemahiran untuk menggunakan pakai kaedah-kaedah fiqh dalam menyelesaikan permasalahan hukum. Malah bidang tersebut perlu dijadikan sebagai salah satu rujukan utama dalam proses mentarjih pandangan ulama daripada pelbagai mazhab atau menentukan pandangan yang sesuai untuk sesuatu permasalahan hukum. Oleh yang demikian, kaedah fiqh merupakan salah satu sumber atau rujukan utama dalam sistem kehakiman Islam terutama dalam proses memutuskan sesuatu hukuman.

Penggunaan kaedah-kaedah fiqh dalam kes-kes tuntutan atau dakwaan akan memudahkan para hakim menerima, menolak atau mempersetujui hujah-hujah yang dikemukakan oleh pihak-pihak terutama peguam syarie. Aplikasi kaedah-kaedah fiqh dalam prosiding di mahkamah syariah sama ada dalam penghujahan pihak-pihak mahupun dalam alasan penghakiman dilihat mempunyai kaitan rapat dengan prinsip *maslahah/manfaat* dan maqasid syariah dalam proses untuk mencapai matlamat keadilan dalam sistem kehakiman. Hal ini juga boleh menggambarkan tahap penguasaan ilmu dan amalan profesional dalam kalangan hakim syarie dan pengamal undang-undang di mahkamah syariah dalam merealisasikan teori ijtihad berkaitan kehakiman atau *al-Qada'* (al-Jarumi, 2021).

Terdapat banyak kaedah perundangan Islam atau maksim terutama di bawah kaedah utama *لا يزال بالشك* yang bermaksud "keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan syak" yang boleh dijadikan panduan atau asas dalam penghakiman di mahkamah syariah. Kajian Azizah (2015) merumuskan beberapa kaedah fiqh yang boleh diguna pakai dalam menentukan beban pembuktian sesuatu kes dalam proses penyediaan alasan penghakiman oleh hakim terutama dalam kes kekeluargaan (atau dikategorikan sebagai kes mal di mahkamah syariah). Malah di pihak peguam sendiri, kaedah ini boleh dijadikan sebagai hujah dan justifikasi perundangan dalam usaha untuk meyakinkan pihak hakim semasa mengendalikan kes mereka. Ahmad Ibrahim (1997) pernah menegaskan bahawa penentuan beban pembuktian atau pihak mana yang memikul beban pembuktian berserta berat beban pembuktian yang diperlukan merupakan antara elemen yang sepatutnya ada atau terkandung dalam sesuatu alasan penghakiman sesuatu kes di mahkamah syariah.



Kaedah Fiqh dalam Kes Kekeluargaan

Dalam kes-kes kekeluargaan yang dikategorikan sebagai kes mal di mahkamah syariah, kaedah fiqh boleh digunakan sebagai asas sokongan dalam membuat keputusan, khususnya dalam isu yang melibatkan pertikaian hak dan tanggungjawab antara pihak-pihak. Kajian oleh (2015) menunjukkan bahawa kaedah fiqh seperti *al-bayyinah 'ala al-mudda'i wa al-yamin 'ala man ankara* memainkan peranan penting dalam menentukan pihak yang memikul beban pembuktian dalam kes kekeluargaan termasuk dalam kes tuntutan nafkah anak. Kajian juga menunjukkan bahawa kaedah fiqh boleh membantu dalam proses istinbat hukum bagi isu-isu yang tidak mempunyai peruntukan yang jelas, serta berfungsi sebagai alat untuk memastikan keadilan substantif dapat dicapai dalam sesuatu penghakiman. Kaedah fiqh *الأصل العدم* (asal sesuatu itu tidak ada) sangat relevan diaplikasi dalam penghakiman kes tuntutan tunggakan nafkah isteri atau nafkah anak kerana pada asalnya nafkah belum dibayar dan memang menjadi tanggungjawab asal suami atau ayah memberi nafkah kepada isteri atau anaknya (Azizah, 2015).

Kaedah Fiqh dalam Kes Nafkah Anak

Secara khusus, dalam konteks nafkah anak, isu utama yang sering dibangkitkan melibatkan penentuan beban pembuktian, kemampuan bapa serta kebajikan anak. Zanariah et.al (2024) telah merumuskan bahawa undang-undang keluarga Islam di Malaysia telah menggariskan tanggungjawab penanggung nafkah tidak hanya terbatas kepada kewangan, tetapi juga melibatkan aspek keperluan asas anak-anak seperti makanan, tempat tinggal, dan pendidikan. Penentuan nafkah yang adil melibatkan penilaian mendalam oleh mahkamah terhadap kemampuan bapa serta keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan, pakaian dan pendidikan, di samping keperluan tambahan yang mungkin muncul. Aspek yang sama dirumuskan oleh Mohd Hazwan (2023) bahawa kadar nafkah yang pernah diperintahkan oleh mahkamah syariah boleh diubah dengan cara memohon semula di mahkamah dan hakim akan menilai semula sama ada untuk diubah perintah tersebut mengikut perubahan keperluan semasa anak-anak yang mungkin berubah.

Namun demikian, kajian-kajian sedia ada lebih tertumpu kepada aspek pembuktian dan prosedur, manakala penelitian terhadap penggunaan kaedah fiqh secara menyeluruh dalam alasan penghakiman kes nafkah anak masih terhad. Hal ini menunjukkan wujud jurang kajian yang perlu diisi, khususnya dalam menilai sejauh mana kaedah fiqh diaplikasikan secara substantif dalam menyokong penghujahan hakim.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggabungkan beberapa metode pengumpulan data seperti kajian kepustakaan dan maklum balas pengamal serta pakar undang-undang bagi kes-kes mal melalui bengkel khusus menggantikan temu bual. Bengkel Amalan Kehakiman: Kaedah Fiqah dalam Alasan Penghakiman Mahkamah Syariah (2024) telah diadakan bagi mendapatkan *input* daripada



pengamal perundangan termasuklah oleh Ketua Hakim Syarie, pegawai syariah dan pegawai perundangan. Selain itu, rujukan daripada kitab-kitab *turath qawaid fiqhiyyah*, rujukan-rujukan kontemporari termasuklah artikel dan makalah akademik, statut serta laporan-laporan kes mahkamah syariah yang diterbitkan dalam Jurnal Hukum serta fail mahkamah syariah.

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Konsep Nafkah Anak

Perkataan “nafkah” ialah kalimah bahasa Arab yang berasal daripada *infaq* iaitu bermaksud “mengeluarkan”. Asal perkataan ini juga bermaksud “wang”. Perkataan ini hanya digunakan untuk perkara-perkara kebajikan, manakala perkataan jamaknya ialah *nafaqat*. Menurut bahasa, ia bermakna apa-apa yang dikeluarkan oleh seseorang individu terhadap anak-anaknya. Sementara menurut istilah, perkataan ini memberi maksud sebagai “memberi perbelanjaan yang secukupnya dari aspek makanan, pakaian dan tempat tinggal (perlindungan).”

Nafkah juga boleh ditakrifkan sebagai bekalan keperluan hidup untuk seseorang (Hedaya, 1975) atau pemberian seseorang sama ada berbentuk makanan, pakaian, tempat tinggal atau ketenteraman serta kesenangan hidup kepada seseorang disebabkan faktor perkahwinan, kekeluargaan dan pemilikan hamba bergantung pada kemampuan dan kesesuaiannya (Mujieb, 1994).

Perincian kepada maksud ini apabila dilihat dari sudut ‘*uruf* ialah, nafkah dari sudut makanan adalah meliputi makanan asasi seperti gandum atau beras yang turut merangkumi minyak atau lemak dan juga minuman. Manakala pakaian pula ialah sesuatu yang dapat menutupi tubuh badan secara sempurna. Sementara tempat tinggal pula ialah kediaman yang merangkumi kelengkapan rumah serta kemudahan yang secara kebiasaannya perlu ada pada setiap rumah termasuklah tenaga elektrik dan air untuk diminum; untuk menyediakan makanan; untuk merawat ahli keluarga yang sakit dan juga sebarang aktiviti pembersihan. Pembantu rumah juga dianggap sebagai sebahagian daripada kemudahan dalam tempat tinggal yang dilihat mengikut kebiasaan.

Penjelasan dalam takrif ini adalah secara menyeluruh (*jami' wa mani'*) kepada konsep hak kerana ia merangkumi hak Allah dalam soal agama, hak sivil, hak umum, hak harta dan hak bukan harta (al-Zuhayli, 2001). Mengeluarkan belanja atau sara hidup sebagai nafkah ini adalah khusus kepada mereka yang diwajibkan terhadap individu-individu seperti isteri, anak dan orang-orang yang di bawah tanggungannya. Perkara-perkara yang disebutkan sebagai nafkah ini juga adalah termasuk kepada keperluan keagamaan, pendidikan dan perubatan.

Perkataan “hak” berasal daripada bahasa Arab mempunyai beberapa makna dan semua makna tersebut membawa erti wajib dan sabit. Sesetengah sarjana fiqh kontemporari mendefinisikan hak sebagai kepentingan yang patut diperoleh seperti



ditetapkan syarak (al-Khafif, t.th). Manakala menurut Mustafa al-Zarqa' (t.th), hak ialah bidang kuasa (*jurisdiction*) yang diakui syarak yang mempunyai kekuasaan atau/dan tanggungjawab. Untuk nafkah anak, perkara yang diwajibkan terhadap bapa ini merupakan hak yang dimiliki oleh anak.

Pensyariaan Kewajipan Nafkah Anak

Kewajipan seorang bapa memberi nafkah kepada keluarganya adalah selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada). kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan.

(Al-Baqarah, 2: 233)

Sehubungan dengan perkara ini, terdapat hadis Rasulullah SAW yang menyatakan bahawa harta yang paling baik dinafkahkan ialah harta yang dinafkahkan kepada ahli keluarga. Daripada Thauban RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَفْضَلُ دِينَارٍ يُنْفَقُهُ الرَّجُلُ دِينَارٍ يُنْفَقُهُ عَلَى عِيَالِهِ وَدِينَارٍ يُنْفَقُهُ الرَّجُلُ عَلَى دَابَّتِهِ فِي سَبِيلِ
اللَّهِ وَدِينَارٍ يُنْفَقُهُ عَلَى أَصْحَابِهِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Sebaik-baik dinar (wang atau harta) yang dinafkahkan seseorang ialah dinar yang dinafkahkan untuk keluarganya, dan dinar yang dinafkahkan untuk binatang tunggangannya (kenderaan) yang digunakan di jalan Allah dan dinar yang dinafkahkan untuk para sahabatnya yang berjuang di jalan Allah.

(Sahih Muslim, Kitab: Zakat, Bab: Fadl al-Nafaqah 'ala al-'yal wa al-Mamluk, No. 994)

Dalam sebuah hadis sahih, Rasulullah SAW bersabda kepada Hindun binti 'Utbah apabila dia mengadu kepada Baginda bahawa suaminya tidak memberi nafkah kepadanya. Lalu Rasulullah SAW menjawab dengan sabdanya:



حُذِي مَا يَكْفِيكَ وَوَلَدَكَ بِالْمَعْرُوفِ

Ambillah (daripada harta Abu Sufyan) secukupnya untukmu dan anakmu dengan cara yang baik.

(Sahih Al-Bukhari, Kitab: Nafaqat, No. 5364)

Bapa sebagai Penanggung Nafkah dari sudut Undang-undang

Dari sudut undang-undang, seseorang lelaki atau bapa adalah berkewajipan untuk menanggung nafkah anaknya sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau di bawah jagaan orang lain. Hal ini dinyatakan dalam Subseksyen 72(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] yang berbunyi:

(1) Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandangkan kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

Berdasarkan peruntukan ini, kita boleh memahami bahawa terdapat tiga indikator yang ditetapkan iaitu:

- i. kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain,
- ii. mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran, dan
- iii. sebagaimana yang munasabah memandangkan kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

Selain daripada peruntukan tersebut, bagi Wilayah Persekutuan, rujukan peruntukan undang-undang berkaitan dengan nafkah anak antaranya ialah Seksyen 72 (Kewajipan menanggung nafkah anak); Seksyen 73 (Kuasa Mahkamah memerintahkan nafkah bagi kanak-kanak); Seksyen 74 (Kuasa bagi Mahkamah memerintahkan cagaran bagi nafkah seseorang anak); Seksyen 75 (Kuasa bagi Mahkamah mengubah perintah mengenai penjagaan atau nafkah seseorang anak); Seksyen 76 (Kuasa bagi Mahkamah mengubah perjanjian penjagaan atau nafkah seseorang anak); Seksyen 77 (Menuntut tunggakan nafkah seseorang anak); Seksyen 78 (Kewajipan menanggung nafkah kanak-kanak yang diterima sebagai ahli keluarga); Seksyen 79 (Lamanya tempoh perintah bagi nafkah anak) dan Seksyen 80 (Kewajipan menanggung nafkah anak-anak tak sahtaraf).

Kaedah-kaedah Fiqh Berkaitan Nafkah Anak

Kaedah fiqh merupakan instrumen yang tidak asing digunakan dalam membicarakan kes-kes mal termasuklah untuk kes-kes nafkah anak. Merujuk kepada kitab *Mausu'ah*



al-Qawa'id al-Fiqhiyyah karya Sheikh Muhammad Sidqi bin Ahmad al-Burnu terdapat pelbagai kaedah fiqh yang boleh diguna pakai oleh hakim syarie sebagai panduan dan rujukan ketika membicarakan kes-kes nafkah. Berikut merupakan kaedah-kaedah fiqh yang relevan yang disusun oleh Sheikh Muhammad Sidqi yang boleh diguna pakai untuk kes-kes nafkah anak.

- i. Kaedah *استحقاق الصلة باعتبار الولاد دون القرابة* bermaksud, “hubungan kekeluargaan yang terjalin dan bukan hubungan persaudaraan.”

Huraian:

Kaedah ini memberikan penjelasan amalan di sisi Mazhab Shafi'i, orang yang berhak menerima nafkah adalah kepada anak-anak dan ibu bapa sahaja, tanpa boleh diberikan kepada kaum kerabat, yang terdiri daripada saudara mara dan adik beradik dan golongan yang termasuk dalam kategori *dhawil arham*.

Namun begitu di sisi Mazhab Hanafi, nafkah boleh diberikan kepada *dhawil arham* sama ada anak kecil, wanita mahupun saudara yang mengalami tempoh masa gila yang tertentu (*ahlul zaman*) sekiranya mereka adalah golongan yang berkeperluan. Manakala di sisi Imam Ibnu Abi Laila *rahimahullah ta'ala* menyatakan adalah wajib memberi nafkah kepada setiap waris sama ada mahram mahupun bukan mahram.

Contoh:

Sekiranya seorang anak mempunyai penyakit gila untuk tempoh masa yang tertentu sehingga menghalang beliau untuk memberikan nafkah kepada keluarganya, maka tanggungjawab nafkah tersebut akan berpindah kepada bapa (al-Burnu, 1421H: 377).

- ii. Kaedah *كفى بالمرء إثماً أن يضيع من يقوته* bermaksud, “seseorang itu berdosa dengan mengabaikan orang yang di bawah tanggungannya.”

Huraian:

Sekiranya seseorang mengabaikan mereka yang di bawah lindungannya—atau di bawah kuasanya—seperti seorang yang tidak mampu menyediakan nafkah untuk dirinya sendiri kerana lemah, masih kecil, uzur atau hamba, maka dia perlu menanggung dosa tersebut.

Contoh:

Sekiranya seseorang ingin menunaikan haji dan di bawahnya mempunyai tanggungan yang memerlukan nafkah seperti ibu bapa yang uzur, isteri atau anak kecil, dan tiada baki yang tertinggal untuk mereka, maka tidak diharuskan untuknya menunaikan haji dan meninggalkan mereka yang berada di bawah tanggungannya dalam keadaan sempit atau mati kelaparan (al-Burnu, t.th: 289-290).

- iii. Kaedah *ما كان وسيلة إلى الواجب فهو واجب* bermaksud, “apa yang menjadi wasilah dalam melakukan sesuatu yang wajib adalah wajib.”



Contoh:

Mengerjakan solat Jumaat adalah wajib sebagaimana yang telah dinyatakan dalam surah al-Jumu'ah (62: 9), yang bermaksud, "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat)...." Maka perbuatan menyegerakan pergerakan ke masjid bagi mendirikan solat adalah wajib kerana ia melengkapkan kewajipan mengerjakan solat Jumaat tersebut. Antara contoh lain yang dapat dikaitkan dengan pemberian nafkah kepada anak ialah, perbuatan memberikan nafkah adalah menjadi kewajipan ke atas suami dan bapa, maka bekerja untuk mendapatkan rezeki yang menjadi wasilah untuknya memberi nafkah adalah wajib (al-Burnu, 2003: 205-206).

iv. Kaedah *لا يجتمل التأخير الإنفاق* bermaksud, "(pelaksanaan) nafkah tidak boleh tertangguh."

Huraian:

Nafkah yang diberikan kepada pihak yang di bawah tanggungjawab mereka adalah bagi memenuhi keperluan mereka seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Setiap perkara yang diperlukan atau keperluan *daruriyyat* oleh seseorang tidak sepatutnya ditangguh-tangguh atau mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan.

Contoh:

Bapa berkewajipan untuk memberi nafkah kepada anak mereka pada tempoh dan kadar yang dapat memenuhi keperluan anak. Kadar nafkah adalah dengan arahan hakim atau dengan *'uruf* seperti yang ditetapkan oleh syarak. Bapa tidak dibenarkan untuk menangguh-nangguh atau melambat-lambatkan pelaksanaan nafkah. Hal yang demikian adalah kerana penangguhan itu akan menjejaskan kelancaran hidup penerima nafkah. Contohnya perancangan hendak menggantikan barang keperluan dengan barang baharu menjadi tertangguh (al-Burnu, 1421H: 300).

Kaedah Fiqh dalam Alasan Penghakiman Kes Tuntutan Nafkah Anak

Alasan penghakiman menghendaki mahkamah menyatakan alasan-alasan keputusan mahkamah berdasarkan tuntutan yang dipohon oleh plaintif. Menurut Maria Jilani (2024), ciri-ciri alasan penghakiman yang baik memerlukan penelitian daripada peringkat panel yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang kehakiman dan perundangan. Sementara itu, daripada sudut pengamal undang-undang, alasan penghakiman yang telah memberikan ulasan dalam setiap tuntutan dan penilaian terhadap hujahan yang dikemukakan oleh peguam syarie memberikan tahap kefahaman asas pertimbangan yang telah diambil oleh mahkamah sehingga berpuas hati tiada sudut suatu keputusan itu perlu dibuat rayuan.

Dalam kes tuntutan nafkah anak, lazimnya perkara yang akan dilihat ialah penentuan kadar nafkah anak dan kemampuan bapa untuk menanggung anak nafkah tersebut. Oleh yang demikian kaedah fiqh dalam alasan penghakiman akan mengukuhkan hujah hakim dalam menjelaskan isu-isu berkaitan keperluan anak, kemampuan bapa



dan kadar nafkah yang munasabah. Alasan penghakiman yang menjadikan kaedah fiqh sebagai sumber pemakaian prinsip syarak boleh dijadikan rujukan kepada proses penyediaan alasan penghakiman kes-kes akan datang di samping menjadi rujukan penyediaan hujah kepada pengamal undang-undang.

Dalam kes *SM lwn MNIA* (2019) (tidak dilaporkan), pihak-pihak telah bercerai pada 23 Mac 2019 dan dikurniakan empat orang anak dan berada di bawah jagaan Plaintiff. Plaintiff telah memfailkan tuntutan nafkah anak untuk keempat-empat orang anak tersebut yang berumur 16 tahun, 14 tahun, 11 tahun dan 7 tahun. Plaintiff dalam kes ini memohon kepada mahkamah supaya memerintahkan Defendan membayar nafkah sebanyak RM300.00 bagi setiap orang anak yang keseluruhannya berjumlah RM1,200.00 sebulan, dan pembayaran nafkah anak tersebut dibuat secara potongan gaji. Hakim Bicara telah merujuk Seksyen 75 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dalam menentukan beban pembuktian terhadap kemampuan Defendan untuk membayar nafkah anak seperti yang dituntut selari dengan kaedah fiqh yang berbunyi, *البينة على المدعي واليمين على من أنكر* yang bermaksud “keterangan tertanggung ke atas pihak yang mendakwa manakala *yamin* (sumpah penafian) tertanggung ke atas pihak yang mengingkari (didakwa).” Undang-undang menyatakan bahawa beban pembuktian terletak pada Plaintiff supaya mahkamah mempercayai kemampuan Defendan untuk membayar nafkah anak sebanyak itu.

Begitu juga dalam kes *NMD lwn SNAB* (2019) (tidak dilaporkan), Plaintiff telah menuntut nafkah anak iaitu seramai lima orang anak hasil perkahwinannya dengan Defendan. Plaintiff dan Defendan telah memberi keterangan utamanya tanpa mengemukakan saksi-saksi. Dokumen-dokumen juga telah dikemukakan dan ditandakan dalam mahkamah ini. Defendan hadir pada sesi sebutan dan perbicaraan. Hakim Bicara dalam kes ini telah merujuk Seksyen 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dalam menentukan beban pembuktian terhadap kewujudan sesuatu fakta, maka beban pembuktian adalah terletak ke atasnya selari dengan kaedah fiqh *البينة على المدعي واليمين على من أنكر* kaedah fiqh yang sama seperti kes sebelum ini. Dalam kes ini, Plaintiff berhasrat agar Mahkamah membuat penghakiman yang berpihak kepada Plaintiff dalam tuntutan nafkah berkenaan, maka beban pembuktian kemampuan Defendan membayar nafkah anak sebanyak itu terletak pada Plaintiff.

Dalam kes *Nuriha binti Kamaruddin lwn Nashrol Ariff bin Hussain* (2013) (tidak dilaporkan), Plaintiff dan Defendan telah bercerai pada 21 Januari 2013. Plaintiff telah memfailkan tuntutan untuk mendapatkan perintah-perintah seperti berikut:

- i. Defendan membayar nafkah bagi seorang anak sebanyak 1,000 USD sebulan bagi lima (5) orang anak dan jumlah keseluruhan 5,000 USD setiap bulan,
- ii. Belanja pengajian untuk setahun 60,000 USD selama 6 tahun berjumlah 360,000 USD, dan
- iii. Sekali biaya ke Mesir 40,000 USD.



Dalam kes ini, terdapat keterangan daripada dua orang saksi Defendan manakala Plaintiff hanya bergantung pada keterangan utamanya sahaja dan juga dokumen-dokumen yang dilampirkan. Mahkamah meluluskan tuntutan Plaintiff berdasarkan Seksyen 73 dan Seksyen 80 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Defendan hendaklah membayar nafkah bagi seorang anak sebanyak RM1,000.00 sebulan sehingga anak tersebut tamat belajar melalui Bank Simpanan Nasional (BSN).

Hakim Bicara telah menggunakan kaedah fiqh sebagai sandaran untuk mengenal pasti pihak yang memegang beban pembuktian iaitu Defendan. Antara kaedah fiqh yang dirujuk oleh Hakim dalam isu ini adalah seperti yang berikut, *البينة على المدعي واليمين على من أنكر* dan kaedah *الصفات العارضة العدم* bermaksud, "asal pada perkara yang baru muncul atau yang mendatang itu tidak ada;" *العدم الأصل* bermaksud, "asal sesuatu itu tiada;" dan *ما كان على ما كان* bermaksud, "Asal sesuatu itu kekal seperti keadaan yang asal." Kaedah-kaedah fiqh tersebut memberikan konotasi yang sama dalam prinsip tanggungjawab memberi nafkah oleh seorang bapa walau apa pun pembelaan atau pembuktian yang dikemukakan olehnya.

Dalam kes *SMI lwn HH (2017)* (tidak dilaporkan), yang merupakan permohonan nafkah anak yang dipohon oleh Plaintiff, nenek kepada dua (2) anak tersebut dan bekas mertua kepada Defendan berkaitan nafkah bagi anak-anak arwah isteri Defendan yang telah meninggal dunia pada 2 Oktober 2013. Plaintiff memohon agar Mahkamah meluluskan permohonan nafkah bulanan dua anak tersebut sebanyak RM2,770.00 setiap bulan, nafkah tahunan dua anak tersebut sebanyak RM4,870.00 pada 1 Januari setiap tahun dan keperluan perayaan dua anak tersebut berjumlah RM1,360.00 dan dibayar seminggu sebelum bulan Ramadan setiap tahun. Mahkamah meluluskan tuntutan ini dan memerintahkan Defendan membayar nafkah bulanan bagi dua orang anak sebanyak RM1,400.00 sebulan; membayar dan menanggung semua keperluan awal persekolahan bagi kedua-dua anak tersebut; dan membayar keperluan perayaan Aidilfitri dan Aidiladha bagi dua orang anak tersebut sebanyak RM400.00 x 2 anak semuanya berjumlah RM800.00 setahun.

Hakim Bicara telah menggunakan kaedah fiqh sebagai sandaran untuk mengenal pasti pihak yang memegang beban pembuktian iaitu Defendan. Kaedah fiqh yang dirujuk oleh Hakim dalam isu ini adalah seperti yang berikut, *البينة على المدعي واليمين على من أنكر*, bermaksud, "keterangan tertanggung ke atas pihak yang mendakwa manakala *yamin* (sumpah penafian) tertanggung ke atas pihak yang mengingkari (didakwa);" *في الأصل* bermaksud, "asal pada perkara yang baru muncul atau yang mendatang itu tidak ada;" *العدم الأصل* bermaksud, "asal sesuatu itu tiada;" dan *ما كان على ما كان* bermaksud, "asal sesuatu itu kekal seperti keadaan sebelumnya."



Hakim Bicara juga mengaitkan kaedah fiqh tersebut dengan Seksyen 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang diambil daripada kaedah tersebut. Sebarang pembayaran nafkah kepada dua orang anak tersebut perlu dibuktikan oleh Defendan berdasarkan Seksyen 78 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Selain itu, Hakim Bicara mengaitkan kaedah fiqh yang berbunyi *يزال الضرر* bermaksud, "kemudaratan hendaklah dihilangkan" dalam keputusannya tidak membenarkan sebarang penangguhan dalam membayar nafkah anak kerana supaya keperluan makan minum, pakaian serta keperluan-keperluan lain tidak terjejas. Sekiranya ia ditangguhkan, maka akan menyebabkan kezaliman kepada anak tersebut pula.

Manakala *SNHCR lwn MHM* (2019) (tidak dilaporkan), Plaintiff dan Defendan adalah pasangan suami isteri yang telah bernikah pada 3 Disember 2006 dan hasil pernikahan mereka telah dikurniakan dua orang anak. Walau bagaimanapun, Plaintiff dan Defendan telah bercerai dengan kebenaran Mahkamah pada 12 Mei 2014 di Mahkamah Syariah Kuala Lumpur. Plaintiff telah memfailkan tuntutan ini pada 30 Januari 2019 untuk mendapatkan perintah nafkah bagi dua orang anak berkenaan. Mahkamah telah meluluskan tuntutan ini dan memerintahkan Defendan membayar nafkah bulanan bagi dua orang anak sebanyak RM495.00 sebulan. Hakim Bicara dalam kes ini ada membincangkan tentang beban pembuktian berkaitan dengan kemampuan Defendan untuk membayar nafkah anak yang dituntut oleh Plaintiff. Namun Hakim Bicara tidak menyandarkan keputusan dan perbincangannya kepada mana-mana kaedah fiqh mahupun peruntukan undang-undang, namun boleh difahami bahawa Hakim Bicara merujuk kepada kaedah fiqh *البينة على المدعي واليمين على من أنكر* selari dengan maksud Seksyen 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

Dalam kes *MT lwn MAAH* (2021) (tidak dilaporkan), Plaintiff telah menuntut nafkah anak seramai tiga orang anak hasil perkahwinannya dengan Defendan. Plaintiff telah mengemukakan dua orang saksi untuk menyokong tuntutannya dan Defendan tidak hadir sepanjang prosiding kes ini berjalan. Mahkamah meluluskan tuntutan Plaintiff dan memerintahkan Defendan membayar nafkah bulanan anak-anak tersebut berjumlah RM2,000.00. Hakim Bicara dalam kes ini menggunakan kaedah fiqh sebagai sandaran untuk memutuskan isu beban pembuktian yang berbunyi *البينة على المدعي واليمين على من أنكر* bermaksud, "keterangan bertanggung ke atas pihak yang mendakwa manakala *yamin* (sumpah penafian) bertanggung ke atas pihak yang mengingkari (didakwa)." Hakim Bicara juga merujuk kepada Seksyen 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dalam menentukan beban pembuktian terhadap kewujudan sesuatu fakta. Dalam kes tuntutan nafkah ini, Plaintiff ingin Mahkamah membuat penghakiman yang berpihak kepadanya, maka beban pembuktian kemampuan Defendan membayar nafkah anak sebanyak itu terletak kepada Plaintiff.

Berdasarkan kes-kes di atas, kaedah fiqh paling popular dirujuk oleh hakim dalam alasan penghakiman mereka ialah *البينة على المدعي واليمين على من أنكر* sebagai satu prinsip



utama keterangan yang menghendaki bukti-bukti kukuh oleh pihak-pihak supaya tuntutan mereka dibenarkan. Kes-kes yang disebutkan sebelum ini juga menunjukkan satu prinsip utama dalam kewajipan serta tanggungjawab yang terus kekal kepada seorang ayah atau warisnya terhadap nafkah anak tanpa sebarang alasan atau penafian selari dengan kaedah fiqh *الأصل بقاء ما كان على ما كان*. Prinsip tersebut memenuhi kehendak maqasid syariah untuk mengelakkan sebarang kemudaratkan terhadap anak jika waris atau bapa kanak-kanak mengabaikan tanggungjawab tersebut selari dengan kaedah fiqh *الضرر يزال*.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kaedah fiqh sememangnya mempunyai peranan dalam alasan penghakiman kes tuntutan nafkah anak di mahkamah syariah di Malaysia. Walau bagaimanapun, tahap pemakaiannya didapati tidak seragam dan cenderung tertumpu kepada aspek pembuktian, khususnya melalui kaedah *al-bayyinah 'ala al-mudda'i wa al-yamin 'ala man ankara*.

Kajian ini mendapati bahawa sebahagian hakim mengaplikasikan kaedah fiqh secara eksplisit dalam alasan penghakiman, manakala sebahagian yang lain hanya menggunakannya secara implisit tanpa dinyatakan secara jelas. Keadaan ini menunjukkan bahawa kaedah fiqh belum dimanfaatkan secara optimum sebagai instrumen penghujahan yang sistematik dalam penghakiman kes nafkah anak. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan kaedah fiqh dalam kes nafkah anak masih terhad kepada dimensi prosedural, dan kurang menekankan aspek substantif seperti kewajipan syarie bapa, kebajikan anak serta prinsip keadilan berasaskan maqasid syariah. Hal ini menyebabkan potensi kaedah fiqh untuk memperkukuh alasan penghakiman dari sudut nilai dan prinsip tidak dimaksimumkan sepenuhnya.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar pemakaian kaedah fiqh dalam alasan penghakiman diperluaskan dan diperkukuh, khususnya dengan mengintegrasikan kaedah-kaedah yang berkaitan secara langsung dengan isu nafkah anak seperti *كفى بالمرء إثمًا أن يضيع من يقوته* (seseorang itu berdosa dengan mengabaikan orang yang di bawah tanggungannya) dan *الإنفاق لا يَحْتَمِلُ التَّأخِيرَ* (pelaksanaan nafkah tidak boleh tertangguh) dalam konteks kewajipan bapa bagi menunaikan nafkah kepada pihak yang berada di bawah tanggungannya.

Aplikasi kaedah-kaedah ini bukan sahaja dapat memperkukuh penghujahan hakim, malah menonjolkan dimensi keadilan dan kebajikan yang menjadi teras dalam hukum syarak. Kajian ini juga mencadangkan agar latihan dan pendedahan berterusan diberikan kepada hakim syarie dan pengamal perundangan bagi memperkasa penguasaan dan aplikasi kaedah fiqh dalam konteks kehakiman semasa. Pemeraksanaan penggunaan kaedah fiqh dalam alasan penghakiman kes nafkah anak bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti dan konsistensi keputusan mahkamah,



malah menyumbang kepada pembangunan perundangan syariah yang lebih holistik, dinamik dan selaras dengan tuntutan maqasid syariah.

RUJUKAN

- Ahmad Ibrahim. (1997). *Pentabiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad, H. H. (1998). *Usul Fiqh & Qawa'id Fiqhiyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Al-Burnu, S. M. (1421H). *Mausu'ah al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Jil. 1, bhg. 1. Riyadh: Maktabah al-Taubah.
- Al-Burnu, S. M. (t.th.). *Mausu'ah al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Bhg. 8. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Burnu, S. M. (1421H). *Mausu'ah al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Jil. 2, bhg. 1. Riyadh: Maktabah al-Taubah.
- Al-Burnu, S. M. (2003). *Mausu'ah al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Jil. 9, bhg. 11. Riyadh: Maktabah al-Taubah.
- Al-Jarumi, Amin. (2021). *Kaedah-kaedah Fiqh dan Aplikasinya dalam Dakwaan Syarie*. Kedah: Kulliyah Syariah dan Undang-undang UNISHAMS.
- Al-Zarqa', M. (t.th.). *Al-Madhkal ila Nazariyyah al-Itizam fi al-Fiqh*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (2001). *Fiqh & Perundangan Islam* (terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizah Mohd Rapini. (2015). Aplikasi Kaedah Fiqh Berkaitan Beban Pembuktian: Tinjauan Ringkas Terhadap Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah dan Undang-undang Keluarga Islam. *Jurnal Hukum*. 41(1) 1-15.
- Hedaya, M. (1975). *Supply of the necessities of life for a person. In A Commentary on the Mussulman Laws*. Lahore: Premier Book House.
- Maria Jilani. (2024). Kaedah Fiqah dalam Kes Nafkah Isteri dan Anak. Bengkel Amalan Kehakiman: Kaedah Fiqah dalam Alasan Penghakiman Mahkamah Syariah. Anjuran secara kerjasama antara Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak (JKSPK), di Hotel Travelodge, Ipoh pada 30 April 2024.
- Mahmassani, S. R. (2000). *Falsafah ak-Tashri' fi al-Islam*. Kuala Lumpur: The Open Press.



Mujieb, M. T. (1994). *Kamus Istilah Fiqh*. Jakarta: Pustaka Firdaus.

Mahmud Saedon A.Othman (1991). *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Hazwan Ismail. (2023). Perubahan Perintah Nafkah Anak Mengikut Kepada Keperluan Semasa: Kajian di Negeri-Negeri Zon Utara. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*. 18 (January).29-37.

Siti Fatimah Salleh et al. (2017). Aplikasi Doktrin al-Qawaid Fiqhiyyah dalam Menganalisis Isu Kontemporari. *International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society [ISLAC]* (pp. 745-753). Terengganu: UNISZA.

The Majelle. (2001).Kuala Lumpur: The Other Press.

Zanariah Dimon & Zainiyusnita Mat Jusoh. (2024). Pengubahan Perintah Nafkah Anak Berdasarkan Kos Sara Hidup Daripada Perspektif Undang-Undang di Malaysia. *Journal of Muwafaqat*. 7(2). 86-99.

Senarai Statut

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303].

Akta Keterangan Mahkamah Syariah Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561].

Senarai Kes

Marhanita binti Tajuddin lwn Muhammad Akmal bin Abdul Halim. Kes Mal Bil.: 10027-024-00322021. Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat di Negeri Selangor.

NMD lwn SNAB. Kes Saman No.: 10002-024-01662019. Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam di Negeri Selangor.

Nuriha binti Kamaruddin lwn Nashrol Ariff bin Hussain. Kes Saman No.: 10400-024-0084-2013. Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam di Negeri Selangor.

Siti Nur Hajar binti Che Ros lwn Mohd Hairil bin Mawi. Kes Saman No.: 14400-024-0044-2019. Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur.

SM lwn MNIA. Kes Mal Bil.: 10011-024-04112019. Mahkamah Rendah Syariah Sabak Bernam di Negeri Selangor.

SMI lwn HH. Kes Saman No.: 10001-024-1722017. Mahkamah Rendah Syariah Petaling di Negeri Selangor.